

**PERANAN DAN PENGLIBATAN JURUUKUR BAHAN
DI INSTITUSI KEWANGAN**

RUZIAH BINTI NONSAH

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina Universiti
Teknologi Malaysia**

MAC, 2004

ABSTRAK

Penglibatan Juruukur Bahan di Malaysia bukan sahaja boleh dilihat dalam sektor binaan. Malah Juruukur Bahan turut berkecimpung dalam sektor kewangan. Penglibatan mereka dalam sektor ini masih dalam dunia pembinaan walaupun ia berlainan lapangan pengaplikasian perkhidmatan. Sejak tahun 1980an, Juruukur Bahan mula menjinakkan diri dalam dunia institusi kewangan di Malaysia bagi membantu segala pengurusan institusi berkaitan pembinaan. Namun begitu, selepas tahun 1993 institusi kewangan di Malaysia telah mengalami pelbagai peristiwa yang memberi kesan terhadap profesion tersebut. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji semula penglibatan dan peranan Juruukur Bahan di institusi kewangan dalam tempoh sepuluh (10) tahun iaitu selepas tahun 1993 sehingga kini sama ada penguasaan bidang kerja mereka telah berubah atau masih ditakuk lama. Bagi mencapai objektif kajian, pendekatan secara sistematis dilakukan dengan pengumpulan maklumat dari Projek Sarjana Muda hasil tulisan Saudara Iswari Bin Akair (1992/1993) yang merupakan panduan utama dalam menghasilkan disertasi ini. Maklumat skop kerja Juruukur Bahan sebelum tahun 1993 adalah berdasarkan kajian beliau. Kaedah borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Di samping itu temuramah tidak berstruktur dijalankan terhadap responden bagi mendapatkan maklumat tambahan. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa peranan dan penglibatan Juruukur Bahan di bank perdagangan mengalami penyusutan dari segi skop kerja dalam sesebuah bidang. Tetapi penguasaan bidang kerja kini bertambah dengan penglibatan Juruukur Bahan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan. Berbeza dengan Juruukur Bahan di syarikat kewangan, penguasaan bidang kerja mereka semakin berkurangan. Manakala peranan dan penglibatan Juruukur Bahan di syarikat insurans pula mengalami pengurangan skop kerja tetapi penekanan diberikan kepada bidang kerja tertentu. Jelas di sini bahawa dalam tempoh sepuluh(10) tahun iaitu dalam tempoh kajian, peranan dan penglibatan Juruukur Bahan di institusi kewangan mengalami perubahan walaupun ia kurang ketara secara zahirnya.

ABSTRACT

The involvement of Quantity Surveyors in Malaysia is not only apparent in the construction sector but is also greatly seen in the financial field. Since the 1980s, Quantity Surveyors had played a role in the financial institution in Malaysia. However, after 1993, several incidents in the Malaysian's financial institution have impacted the quantity surveyors. Hence, this research is to re-evaluate the involvement and role of these quantity surveyors in financial institutions for the past decade since 1993. To realize this objective, a systematic approach is employed by collecting information from the thesis of Iswari Bin Akair (1992/93). His thesis is the main reference for this research. The work scope of quantity surveyors before 1993 is based on his findings. Besides this, questionnaires will also be used to obtain the data required. Non-structured interviews will also be conducted. From the analysis of this research, it was found that the role and involvement of quantity surveyors in commercial banks have shown a decline in terms of job scope. Conversely, control or empowerment over the job scope showed an increase in the services provided by commercial banks. On the other hand, the job empowerments of quantity surveyors in financial companies have reduced. In insurance companies, their job scope has shrunk but emphasize was given to specific job roles. In short, for the past decade, the role and involvement of quantity surveyors in financial institution have change although its not apparent from the external point of view.